

## **PENDEKATAN PENGAJARAN DI INSTITUT PENGAJIAN SAUDARA BARU DI MALAYSIA (ILDAS, IDIP DAN PUSBA)**

Noraini Mohamad

Prof. Madya Dr. Mariam Abdul Majid

[norainimohamad@kuis.edu.my](mailto:norainimohamad@kuis.edu.my)

[mariam@kuis.edu.my](mailto:mariam@kuis.edu.my)

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

Prof. Dr. Badlisham Mohd Nasir

[badlihisham@utm.my](mailto:badlihisham@utm.my).

*Universiti Teknologi Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Kajian ini membincangkan mengenai pendekatan pengajaran di institusi pengajian saudara baru di Malaysia yang melibatkan ILDAS, IDIP dan PUSBA. Pendekatan pengajaran ini merupakan amalan pengajaran yang biasa digunakan di beberapa institusi tersebut. Merujuk kepada permasalahan yang timbul dalam kalangan saudara baru yang melibatkan kaedah dan pendekatan pengajaran yang kurang sesuai digunakan kepada pelajar saudara baru menyebabkan pengajaran tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru kajian ini telah dijalankan bagi melihat kaedah-kaedah yang digunakan supaya ia boleh menjadi garis panduan kepada tenaga pengajar saudara dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran kepada saudara baru. Reka bentuk kajian ini bersifat kualitatif berdasarkan kajian lapangan dengan pemilihan sampel bertujuan. Pengumpulan data dibuat melalui temu bual, pemerhatian dan dokumen. Pendekatan analisis data secara tematik melalui perisian Atlas.ti.8 telah digunakan bagi data temu bual dan pemerhatian, manakala data dokumen pula dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian ini telah menghasilkan pendekatan pengajaran berasaskan kepada tiga kaedah utama iaitu teknik menarik perhatian, teknik penyampaian dan kaedah bimbingan. Kajian ini diharap mampu menyumbang kepada percambahan idea khususnya dalam mengembangkan kaedah pengajaran yang sesuai kepada saudara baru di semua institusi pengajian saudara baru di Malaysia.*

**Kata Kunci:** Pengajaran, Institusi Pengajian Dan Saudara Baru

## **PENDAHULUAN**

Pengajaran mengenai ilmu Islam kepada saudara baru merupakan perkara pertama yang perlu dilakukan terhadap saudara baru selepas mereka memeluk Islam. Penggunaan pendekatan pengajaran yang sesuai boleh memberi impak yang positif terutama yang melibatkan aspek keberkesanan saudara baru memahami ajaran Islam yang sebenar, selain mampu mempraktikkannya dengan tepat selaras dengan ajaran Islam. Berdasarkan kajian sebelum ini mendapati, sehingga kini tidak terdapat satu kaedah atau garis panduan yang khusus untuk digunakan oleh tenaga pengajar saudara baru khususnya dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menyebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran diserahkan sepenuhnya kepada tenaga pengajar (Mohd Zaid: 2010), di samping terdapat sesetengah tenaga pengajar yang tidak dapat menguasai kaedah pengajaran saudara baru dengan baik kerana tidak mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut (Fathimatul Zahrah & Nur A'thiroh: 2015). Justeru kajian ini telah mengemukakan beberapa hasil dapatan mengenai kaedah pengajaran yang digunakan dalam sesi pengajaran yang berlangsung di beberapa institusi pengajian saudara baru yang terlibat iaitu di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS), Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP) dan Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA).

## **PENDEKATAN PENGAJARAN KEPADA SAUDARA BARU**

Kajian mendapati, antara kaedah pengajaran yang digunakan di institut-institut pengajian saudara baru yang terlibat di Malaysia adalah seperti berikut;

### **1- *Teknik Menarik Perhatian***

Teknik menarik perhatian merupakan tema yang dihasilkan bagi menghuraikan dapatan berkaitan teknik yang digunakan oleh tenaga pengajar di awal sesi pengajaran. Berikut dirumuskan secara ringkas penemuan berkaitan teknik menarik perhatian yang dilakukan oleh tenaga pengajar.

*Jadual 1.1 Rumusan dapatan terhadap tema teknik menarik perhatian pelajar*

<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Sub-sub Tema</b>
Teknik menarik perhatian	Bercerita	Tenaga pengajar bercerita, minta pelajar bercerita
	Memperkenalkan tajuk	Persediaan, set induksi, ice breaking, huraian umum
	Kupasan topik secara ringkas	Isu semasa yang berkait dengan topik pengajaran

	Berikan contoh	Contoh ada kaitan dengan topik pengajaran, gambaran sebenar
	Tunjuk tayangan filem	Filem pendek, ada kaitan dengan topik
	Teka teki	Dilakukan sekali sekala

Sumber: Temu Bual & Pemerhatian (2017)

Berdasarkan jadual 1.1 iaitu tema teknik menarik perhatian, dapatan kajian telah menghasilkan enam sub tema iaitu kaedah bercerita, memperkenalkan tajuk, kupasan topik secara ringkas, berikan contoh, tunjuk tayangan filem dan kaedah teka teki. Huraian mengenai tema adalah seperti berikut;

## **2- *Kaedah Bercerita***

Melalui temu bual yang dijalankan bersama peserta kajian, dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa orang tenaga pengajar yang memulakan sesi pengajaran dengan bercerita. Bercerita merupakan satu cara yang boleh memberi impak yang berkesan kepada sesuatu isu yang ingin disampaikan. Ini dibuktikan dengan kenyataan PK1 ILDAS; “*mulakan pelajaran dengan kita bercerita, kita bercerita ataupun kita minta pelajar bercerita, sebagai contoh kita minta pelajar menceritakan bagaimana penyeksaan terhadap Saidina Bilal*”(D02:27). Selain itu, ia juga turut disokong oleh PK3 ILDAS yang juga menyatakan perlu dimulai dengan cerita-cerita yang sesuai dengan isu atau isi pelajaran yang ingin disampaikan kerana dengan permulaan tersebut bakal menghasilkan minat dan perhatian para pelajar. Ia amat perlu digunakan sebagai daya tarikan dalam sesi pengajaran bagi memulakan sesuatu kelas.

## **3- *Memperkenalkan Tajuk***

Kaedah memperkenalkan tajuk merupakan satu kaedah yang mesti dilakukan oleh semua tenaga pengajar kerana pelajar perlu mengetahui apa yang akan dipelajarinya pada hari itu di samping sebagai panduan untuk mencari rujukan dan membuat persediaan. Dapatan ini terdapat pada kenyataan yang dikeluarkan oleh PK3 IDIP dengan katanya “*saya akan buat pengenalan tajuk secara general, bagi faham secara betul, ice breaking dulu, baru nak masuk yang dalam-dalam lagi*”(D12:11). Kenyataan ini juga turut disokong oleh PK1 ILDAS dengan menyatakan bahawa setiap pengajar perlu memulakan dengan set induksi terlebih dahulu supaya pelajar akan lebih memahami dan bersedia (D02:24).

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat di kelas PK3 IDIP, kajian mendapati tenaga pengajar ada memperkenalkan tajuk yang akan diajar pada hari itu secara umum,

namun tenaga pengajar tidak memulakannya dengan permulaan yang boleh menarik perhatian seperti bercerita, memberi contoh dan sebagainya (OBS/PK3:IDIP). Pemerhatian di ILDAS pula mendapati, tenaga pengajar lebih suka memilih untuk berbual dengan pelajar terlebih dahulu sebelum memulakan aktiviti pengajaran di kelas (OBS/PK2:ILDAS).

#### **4- *Kupasan Topik Secara Ringkas***

Sebelum memulakan sesuatu tajuk pembelajaran, sebaiknya tenaga pengajar memulakannya dengan mengupas secara ringkas beberapa isu yang berkait dengan topik yang ingin diajar selepas itu. Temu bual bersama PK1 ILDAS ada menyatakan hal ini dengan katanya; “*kita minta pelajar mengupas isu, kemudian kita kupaskan*”(D02:30). Kupasan ini bertujuan melihat kefahaman pelajar tentang sesuatu isu tersebut sama ada ia sudah dipelajari atau akan dipelajari selepas itu. Kupasan ini juga menyentuh berkaitan isu-isu semasa atau topik-topik yang mempunyai kaitan dengan isi pelajaran. Berdasarkan pemerhatian yang telah dibuat di kelas PK1 ILDAS, banyak isu atau topik yang dikupas oleh beliau berkait dengan isu semasa dan ia memang mendapat perhatian para pelajar dan mampu menarik minat mereka untuk sama-sama menyertai perbincangan tersebut.

#### **5- *Berikan contoh***

Contoh merupakan salah satu kaedah pengajaran yang seringkali digunakan oleh tenaga pengajar kerana contoh boleh membawa kepada pelbagai perbahasan seperti perbandingan, pemahaman, penerangan dan sebagainya. Melalui contoh tenaga pengajar akan mudah menceritakan gambaran sebenar berkaitan apa yang ingin diajarkan pada hari itu. Begitu juga yang berlaku di awal sesi pengajaran, contoh memainkan peranan penting untuk menghasilkan sesuatu kefahaman yang lebih jelas kepada pelajar saudara baru. Ini dibuktikan oleh kenyataan PK1 IDIP dengan katanya; “*bila kita masuk kelas, kita tidak terus mulakan topik pelajaran tu dengan terus kepada sukatan, kita bawa contoh dulu. Contoh, macam kita cuba tarik perhatian para pelajar tuh dengan sesuatu yang berkaitan dengan tajuk yang kita akan ajar*”(D10:29). Berdasarkan pemerhatian di kelas-kelas juga membuktikan kebanyakan tenaga pengajar gemar menggunakan contoh-contoh bagi memberi kefahaman kepada pelajar (OBS/PK1&PK2:ILDAS; OBS/PK1:IDIP).

#### **6- *Tunjuk Tayangan Filem***

Dapatan kajian seterusnya mendapati ada dalam kalangan tenaga pengajar menayangkan filem pendek di awal sesi pengajaran. Perkara ini dilakukan bagi menarik

perhatian para pelajar terlebih dahulu, tambahan pula jika kelas dibuat pada waktu tengahari yang sudah pasti mengundang perasaan penat dan letih. Justeru penayangan filem pendek berkait dengan isu yang dipelajari sangat memberi impak yang positif terhadap para pelajar. Berikut adalah kenyataan PK1 ILDAS; “*kita dah tayangkan filem, kan... tayangkan filem tentang penyeksaan yang berlaku ke atas.. kita video clip kan, kisah Sumayyah, Yassir Ammar kena bunuh semua kan. penyeksaan yang berlaku ke atas keluarga Ammar kan, maka dengan itu, kita minta pelajar mengupas isu tersebut. Kemudian dari situ kita kaitkan dengan apa.. kemudian kita tayangkan tentang kisah-kisah hijrah Nabi kan dari Madinah*”(D02:28). Sebenarnya tayangan filem merupakan satu elemen dalam penggunaan alat bantu mengajar dan ia merupakan satu inisiatif yang boleh menarik perhatian pelajar, malah boleh mengelakkan pelajar dari rasa mengantuk dan letih jika kelas berlangsung pada waktu tengahari atau petang.

## **7- Kaedah Teka Teki**

Permulaan pengajaran dengan membawakan teka teki sebagai bahan untuk menarik perhatian pelajar merupakan salah satu idea yang menarik dan boleh digunakan. Namun ia boleh mendatangkan perasaan bosan dan menjadi tidak efektif jika kerap dilakukan. Hasil temu bual dengan PK3 ILDAS ada mengeluarkan kenyataan ini; “*kadang-kadang saya bagi jugak teka-teki, haa kalau diorang boleh jawab haa boleh lah*”(D04:27). Teka teki merupakan satu cara yang sangat jarang digunakan dan ia juga berhasil menarik perhatian pelajar, namun ia hanya boleh dilakukan sekali sekala sahaja.

## **8- Teknik Penyampaian**

Teknik penyampaian adalah tema yang dihasilkan melalui dapatan terhadap kaedah pengajaran. Dapatan terhadap teknik penyampaian ini dihuraikan berdasarkan kepelbagaiannya teknik dan cara penyampaian yang digunakan oleh tenaga pengajar khususnya dalam menyampaikan isi pelajaran. Berikut merupakan jadual berkaitan ringkasan tema dan sub tema berdasarkan dapatan kajian.

*Jadual 1.2 Rumusan Dapatan Terhadap Tema Teknik Penyampaian*

<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Sub-sub Tema</b>
Teknik Penyampaian	Soal jawab	Imbas kembali, berdasarkan pengetahuan, soal jawab yang harmoni, tidak menimbulkan isu-isu sensitif, soalan tertutup, soalan terbuka, soal jawab untuk mengukur tahap, hurai istilah, perbincangan kumpulan, teknik sumbang saran, buka minda

	Penekanan kepada pelajar yang lemah	Buat kelas tambahan, tunjuk ajar,
	Teknik memberi kefahaman	Penerangan, dialog, tunjuk ajar, gabung jalin, soal jawab, perbincangan, persiapan pelajar, santai, tidak memaksa, perlu menggembirakan pelajar,
	Teknik penyelesaian masalah	Bincang, soal jawab, hubungan yang baik, kenal pasti masalah, cadangan penyelesaian, saluran
	Membina kumpulan	Aktiviti pembentangan dan kertas kerja, kuiz dan pertandingan, aktiviti di kelas, pembimbing rakan sebaya
	Pengulangan	Soal jawab, baca, tulis, penerangan, rumusan, pengukuhan, gabung jalin, perbincangan,
	Mempelbagaikan kaedah Komunikasi	Lisan dan bukan lisan, bahasa pengantara, bahasa percakapan, bahasa panggilan,
	Menggunakan contoh	Penerangan, perbandingan, hubung kait, persoalan hukum
	Latihan dan praktikal (amali)	Ujian, kuiz, tugasan, praktikal ibadah, solat bersama,
	Membaca dan menulis	Membaca teks, huraihan, menulis, kuliah, terjemah, hafalan, ulangan,
	Tunjuk cara	Bantu pelajar, bagi rujukan, tidak membebankan pelajar, membuka peluang perbincangan
	Teknik Pengajaran al-Quran	Kenal huruf, kenal baris, kenal huruf dan baris, eja dan baca, baca kalimah, baca ayat, baca surah, ujian amali membaca dan menulis
	Teknik Pengajaran Pelaksanaan Ibadah	Lontaran soalan, didik dan asuh, mudah dan ringan terlebih dahulu, ukur tahap kefahaman, saringan, lihat keperluan, jidal, mendatangkan contoh

Sumber: Temu Bual & Observasi (2017)

Berdasarkan jadual 1.2 tema teknik penyampaian, dapatan kajian telah menghasilkan 13 sub tema iaitu soal jawab, penekanan kepada pelajar yang lemah, teknik memberi

kefahaman, teknik penyelesaian masalah, membina kumpulan, pengulangan, mempelbagaikan kaedah komunikasi, menggunakan contoh, latihan dan praktikal, membaca dan menulis, tunjuk cara, teknik pengajaran al-Quran dan teknik pengajaran pelaksanaan ibadah. Berikut merupakan huraian terhadap tema yang telah dikeluarkan;

### i. Soal Jawab

Soal jawab merupakan sub tema yang dikeluarkan daripada teknik penyampaian. Melalui pemerhatian yang dijalankan, kebanyakkan tenaga pengajar banyak menggunakan soal jawab sewaktu perbincangan di dalam kelas. Apabila ditanya mengenai bagaimana cara untuk memberi kefahaman kepada pelajar, ramai tenaga pengajar menjawabnya dengan menggunakan teknik soal jawab dan perbincangan. Antara perkara yang dilakukan sewaktu sesi perbincangan adalah dengan mengimbas kembali pembelajaran lepas. Perkara ini diakui oleh PK2 ILDAS dengan katanya; “*saya lebih dalam sesi pengajaran setiap kali sesi saya saya akan flash back*”(D03:25). Selain itu perbincangan dan soal jawab juga dilakukan berdasarkan pengetahuan tenaga pengajar itu sendiri. Ini jawapan PK3 ILDAS; “*mengikut apa pengetahuan kita lah, kalau kita boleh jawab kita akan jawab tetapi kalau kita tak boleh jawab kita katakan inshaAllah satu hari apa esok ataupun ni nanti saya akan jawab*”(D04:20).

Apabila ditanya mengenai teknik soal jawab, beberapa orang tenaga pengajar memberikan respons sedemikian; “*sesi soal jawab tu, kita, pertama kita sendiri beri soalan kepada mereka, suruh mereka jawab. Kemudian, kita tanya balik mereka lah supaya mereka ada soalan-soalan yang kurang jelas*”(D10:14). Jika soalan berkait dengan agama mereka yang lama pula tenaga pengajar menyatakan begini; “*jangan timbulkan isu-isu yang sensitif terhadap pegangan agama mereka dahulu serta budaya mereka*”(D02:56). Beliau menambah lagi “*kita jangan hina, jangan kita perkecilkan budaya-budaya itu harmonilah*”(D02:60). Kenyataan ini dikeluarkan bagi menjawab kepada isu-isu sensitif dalam kalangan saudara baru khususnya dalam sesi soal jawab bagi menghasilkan sesi soal jawab berlangsung dengan harmoni dan saksama. Kenyataan ini turut disokong oleh PK1 ILDAS (D02:59).

### ii. Penekanan Kepada Pelajar Yang Lemah

Analisis kajian berdasarkan teknik penyampaian mendapat terdapat beberapa tenaga pengajar yang memberi perhatian kepada pelajar yang lemah. Hasil temu bual mendapati tenaga pengajar telah membuat kelas tambahan sama ada secara individu atau secara beramai-ramai. Ini dibuktikan dengan jawapan PK2 IDIP; “*ado...kita panggil pulok, kita wat kelas asing pulok. Supo tadi kan Hamimah tu Quran dia lemah*

*ngaat, hok duk tepi tuh. Panggil pulok, panggil baca sini. Buat gitu.. haa..mari kat umi, umi belako. Mari kat umi duk bilik ni baco nak tahu.. faham ke tidak. Masa kosong gini lah kita panggil”(D11:22). Ia juga turut disokong oleh PK3 IDIP yang menyatakan perkara yang sama (D12:18). Berdasarkan pemerhatian di sekitar IDIP, pengkaji mendapati ramai pelajar yang datang berjumpa dengan tenaga pengajar untuk mengadakan konsultasi dan meminta bantuan terhadap aspek pengajaran yang tidak boleh difahami oleh mereka. Pemerhatian ini turut disokong oleh data tenaga pengajar di IDIP yang meletakkan skala tinggi iaitu sangat bersetuju terhadap item membantu pelajar yang lemah (TSCL/PK1,PK2&PK3:IDIP).*

Selain itu, hasil pemerhatian sewaktu proses pengajaran berlangsung di ILDAS, kajian mendapati PK2 ILDAS juga banyak memberi tumpuan kepada pelajar yang lemah. Antara perkara yang dilakukan adalah dengan memanggil pelajar yang terlibat dan cuba membantu untuk memberikan idea, pandangan dan pendapat sehingga pelajar tersebut mampu membuat tugas dengan baik. Ia berlaku sewaktu sesi pembentangan berlangsung apabila pelajar tadi tidak mampu mengeluarkan sebarang idea atau percakapan, tetapi hasil usaha dan tunjuk ajar tenaga pengajar tersebut akhirnya pelajar tadi berjaya mengeluarkan pandangan dan pendapat berkaitan topik yang diberikan (OBS/PK2: ILDAS).

### **iii. Teknik Memberi Kefahaman**

Teknik memberi kefahaman kepada pelajar boleh melalui pelbagai cara antaranya ialah kaedah penerangan, lakaran, nota, kuliah, menulis dan sebagainya lagi. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar dalam memberi kefahaman kepada saudara baru. Antaranya ialah kaedah penerangan (D07:16), kaedah gabung jalin sebagaimana kenyataan PK2 ILDAS; “*kita nak buat gabung jalin sikit lah, kan maknanya bukan akidah sahaja masukkan bab fekah sikit supaya dia boleh pecahkan dia punya minda tu* (D03:52). Teknik gabung jalin banyak digunakan oleh tenaga pengajar, berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji menunjukkan ada kalangan tenaga pengajar yang menghuraikan skop secara lebih luas melangkaui subjek yang diajar.

Selain itu, dapatan juga ada mengatakan perlu menggunakan pelbagai kaedah untuk melihat sejauhmana tahap penerimaan mereka terhadap aspek pengajaran. Ini dibuktikan dengan kenyataan PK1 IDIP; “*kita guna banyak kaedah lah. Tapi saya, antaranya saya guna kaedah memberi kefahaman terlebih dahulu kepada mereka. Lepas tu, barulah kita bawa kepada perbincangan, aaa dialog, tapi yang mula-mula tu kita beri kefahaman dulu lah. Supaya mereka lebih faham, barulah kita bawa kepada*

*slot perbincangan, soal jawab”(D10:13). Ia turut disokong oleh PK3 IDIP dengan mengatakan bahawa; “kena pelbagaikan multi purpose. Kita guna kaedah slide show, mind-mapping, perbincangan soalan, hmm.. kadang-kadang saya buat, saya ringkaskan nota, fotostat lepas tu saya bagi..bagi.. diorang nampak macam mana. Contohnya, tulis tajuk besar, kita spesifikkkan tajuk, kita pecah-pecahkan terus kita draw balik dekat white board, dia nampak cabang-cabang, contohnya solat...dalam solat tu ada hukum, rukun, batal solat, syarah solat, pelbagai.. nak kefahaman tu.”(D12:07). Kepelbagaian yang dimaksudkan oleh tenaga pengajar ialah apabila mereka menggunakan banyak elemen atau cara ketika menyampaikan isi pelajaran.*

#### **iv. Teknik Penyelesaian Masalah**

Kaedah pengajaran yang biasa digunakan oleh tenaga pengajar juga adalah melalui teknik penyelesaian masalah. Masalah saudara baru biasanya berkait dengan kefahaman akidah dan pelaksanaan ibadah, pada masa yang sama saudara baru juga mempunyai masalah berkaitan agama lama mereka dan hubungan dengan keluarga yang bukan Islam. Berdasarkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh saudara baru, kajian mendapati ada beberapa cara yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut. Pertamanya adalah melalui perbincangan dan soal jawab. Ini terbukti dengan jawapan yang diberikan oleh PK2 ILDAS; “*kaedah saya pertama melalui soal jawab, perbincangan yang kedua secara informal lah maknanya kita detect dari segi body language dia eye contact dia macam mana*”(D03:74). Perkara ini juga turut diakui oleh PK2 PUSBA; “*saya panggil kadang-kadang pelajar dia tengok masalah ka, kadang-kadang kita tengok wajah mereka kita panggil kita tanya apa yang boleh kita bantu, bila kita dah bantu dia rasa seronok untuk belajar, jadi kalau pelajar yang susah nak dapat pelajaran hafal ke jadi kita menggembirakan mereka*”(D07:28). Dapatkan ini menunjukkan penyelesaian masalah yang dilakukan oleh tenaga pengajar adalah melalui komunikasi secara individu dengan pelajar yang terlibat.

#### **v. Membina Kumpulan**

Kaedah membina kumpulan merupakan satu cara yang digunakan oleh tenaga pengajar untuk mempelbagaikan aktiviti dalam pengajaran. Subjek-subjek yang sesuai digunakan untuk aktiviti kumpulan. Hasil kajian mendapati kesemua tenaga pengajar menggunakan kaedah membina kumpulan khususnya dalam melakukan aktiviti pembentangan dan kertas kerja. Kumpulan yang dibina ini biasanya kekal untuk satu semester bagi setiap subjek, namun ia bertukar ahli kumpulan untuk setiap subjek yang berbeza. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji mendapati kebanyakkhan

kelas menggunakan sistem pembentangan sebagai salah satu metode untuk penilaian pemarkahan dan juga pemahaman. Justeru aktiviti berkumpulan sangat aktif sewaktu sesi pengajaran khususnya di minggu akhir pembelajaran. Ini diakui oleh beberapa orang tenaga pengajar di institusi yang terlibat (D12:15), (D02:70&71) & (D12:13).

Selain itu, aktiviti kumpulan juga dilakukan bagi aktiviti di dalam kelas seperti kuiz atau pertandingan dalam kumpulan. Biasanya kumpulan ini dibuat dan dibubar selepas habis waktu kelas tersebut. Sebagaimana kenyataan yang dikeluarkan oleh PK2 IDIP; “*subjek Jawi, kita katalah, doh ramai kan, kita kato haa.. kita buat kumpule, tanding.. haa.. kito buat kuiz.. boleh jawab berapa, kumpule ni boleh jawab berapo.. kito ambik.. hrmm.. haa.. jadi dia usaho sikir*”(D11:18). Aktiviti kumpulan yang dilaksanakan di dalam kelas juga dilakukan melalui penggunaan kertas mahjong untuk lakaran (*mapping draw*) mengenai kefahaman pelajar tentang topik yang telah diajar sebelum ini (D12:13&14). Pembinaan kumpulan juga turut disokong oleh PK1 PUSBA yang menyatakan perlu ada kumpulan kecil untuk aktiviti pembimbing rakan sebaya khususnya bagi subjek al-Quran dan fekah (D07:20). Berdasarkan dapatan ini membuktikan pembinaan kumpulan amat perlu dalam aktiviti pengajaran di dalam kelas.

## vi. Pengulangan

Teknik pengulangan merupakan kaedah pengajaran yang terkenal dalam tradisi ilmu Islam. Rasulullah SAW banyak menggunakan kaedah pengulangan ketika menyampaikan pengajaran kepada para sahabat. Begitu juga tokoh ilmuan terkenal Ibnu Khaldun (w.808) banyak menyentuh berkaitan aspek pengulangan dalam menghuraikan mengenai kaedah pengajaran. Justeru kajian ini telah menemui beberapa dapatan berkaitan aspek pengulangan yang digunakan dalam kaedah pengajaran kepada saudara baru. Antaranya PK3 ILDAS yang menyatakan bahawa; “*saya gunakan ni lah apa teknik teknik pengulangan teknik pengulangan bersama*”(D04:30). Teknik yang digunakan dalam kaedah pengulangan ini ialah baca dan hafal, kemudian pelajar juga diminta untuk menyambung apa yang dibaca oleh tenaga pengajar dan kaedah ini dilakukan secara berulang-ulang (D04:29&31).

Selain itu, teknik pengulangan juga dibuat melalui kaedah penerangan. Penerangan dihasilkan daripada soalan dan ujian yang dibuat oleh tenaga pengajar (D10:37). Jika tenaga pengajar mendapati ada kekurangan dalam ujian tersebut, maka ia akan diteruskan dengan sesi penerangan secara lebih terperinci (D02:37). Ada juga dapatan menunjukkan teknik pengulangan dilakukan dengan meminta pelajar membuat

rumusan atau nota ringkas berdasarkan apa yang dipelajari pada hari itu yang kemudian nota tersebut akan dilihat dan diajukan kembali pada pertemuan akan datang bagi melihat sudut kefahaman yang mampu dikuasai oleh pelajar tersebut (D12:20) & (D03:49).

### **vii. Mempelbagaikan Kaedah Komunikasi**

Komunikasi dalam aspek pengajaran memainkan peranan penting kerana komunikasi berkesan akan menghasilkan pengajaran yang lebih menarik. Tambahan pula ramai dalam kalangan saudara baru yang kurang fasih bertutur dalam bahasa tempatan atau bahasa Melayu. Justeru komunikasi yang baik akan memberi satu kefahaman kepada mereka walaupun bukan secara lisan. Komunikasi mempunyai dua medium sama ada lisan atau bukan lisan. Namun dalam aspek pengajaran, tenaga pengajar lebih memilih bahasa lisan sebagai pengantara yang paling penting untuk menyampaikan sesuatu mesej dalam pengajaran. Ini jawapan PK3 ILDAS apabila diajukan mengenai komunikasi yang digunakan. “*komunikasi ada dua lah, satu komunikasi lisan satu lagi komunikasi bukan lisan, kalau bukan lisan tu guna wasap ke guna telegram*”(D04:53).

Hasil dapatan kajian mendapat terdapat beberapa elemen dalam kaedah komunikasi yang difahami dan digunakan oleh tenaga pengajar. Antaranya ialah memahami konsep komunikasi itu sebagai bahasa pengantara semasa sesi pengajaran. Sebagaimana jawapan PK1 PUSBA yang menyatakan; “*kita kena guna bahasa tempatan Kedah untuk bercakap ngan dia orang sebab bahasa dialek tempatan*”(D06:32). Begitu juga jawapan PK2 IDIP; “*Bahasa Malaysia...pakai juga ado selit selitnya Kelate., hmm.. Bahasa Arab pun ada jugok*”(D11:14).

### **viii. Menggunakan Contoh**

Menggunakan contoh dalam kaedah pengajaran kepada saudara baru adalah sesuatu yang amat dituntut kerana akan memudahkan saudara baru untuk memahami sesuatu topik dengan lebih cepat. Dapatan kajian menunjukkan contoh dalam kaedah pengajaran boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Pertama adalah untuk memberi penerangan yang lebih jelas. Sebagaimana yang dinyatakan oleh PK1 PUSBA dan PK2 ILDAS ketika sesi temu bual bersama beliau (D06:52) & (D03:14). Data pemerhatian tenaga pengajar juga dilihat selari dengan kenyataan temu bual ini (TSCL/PK1&PK2:PUSBA). Selain itu PK3 IDIP juga turut menyokong dengan mengatakan kaedah pengajaran perlu kepada contoh yang pelbagai (D12:08). Namun berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat di kelas beliau, tidak banyak contoh-

contoh yang dihasilkan dalam beberapa topik yang diajar (OBS/PK3:IDIP). Kenyataan temu bual dilihat agak bertentangan dengan data pemerhatian yang dijalankan.

## **ix. Latihan dan Praktikal**

Hasil dapatan kajian menunjukkan latihan dan praktikal (amali) merupakan salah satu teknik penyampaian yang digunakan dalam aktiviti pengajaran. Latihan berfungsi sebagai proses pengukuhan dan penilaian terhadap tahap kefahaman saudara baru. Antara latihan yang dibuat oleh tenaga pengajar ialah latihan dalam kelas seperti latih tubi dan sebagainya. Latihan juga dilaksanakan melalui aktiviti ujian dan kuiz dan biasanya ia dijadikan rutin bulanan atau mingguan bergantung kepada kesesuaian (D03:83). Ada juga soalan-soalan tugas itu di luar silibus bertujuan membuka minda pelajar untuk lebih berfikir secara kreatif (D03:84), selain dari tugas membuat nota seperti fotostat kitab dan bahan-bahan yang lain (D03:86). Latihan juga dilakukan dengan memberi tugas kepada pelajar seperti mencari bahan di luar waktu kelas, membuat kertas kerja, projek dan sebagainya (D03:85). Memberi soalan-soalan dalam rangkaian telegram juga ada dibuat oleh tenaga pengajar sebagai langkah mudah untuk para pelajar memberi respons dengan kadar yang segera (D04:37).

Praktikalnya pula adalah melalui pelaksanaan ibadah seperti wuduk, solat, (D03:56), azan, wirid dan amalan-amalan fardhu ain yang lain. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji di sekitar institusi yang terlibat seperti di ILDAS, PUSBA dan IDIP semuanya menunjukkan bukti yang tepat tentang adanya latihan dan praktikal kepada saudara baru khususnya dalam kaedah pengajaran berkaitan pelaksanaan ibadah. Perkara ini dinyatakan kerana hampir kesemua pelajar saudara baru akan bersolat bersama dengan tenaga pengajar di surau yang berhampiran dengan kelas pengajian mereka, bahkan ada sesetengah institusi yang menjadikan solat jemaah sebagai rutin yang wajib dihadiri dan kedatangannya akan diambil kira berdasarkan senarai nama yang telah disediakan oleh tenaga pengajar yang terlibat. Ini membuktikan kesungguhan yang ditunjukkan oleh tenaga pengajar dalam melaksanakan program bimbingan serta praktikal kepada saudara baru.

Latihan dan praktikal merupakan satu gabungan yang sesuai digunakan dalam konteks saudara baru memandangkan semua perkara yang melibatkan pelaksanaan ibadah memerlukan kepada latihan secara berulang kali dan melakukannya dengan pergerakan yang betul dan tepat. Butiran ini ada dinyatakan oleh PK1 PUSBA dengan katanya; “*dari segi praktikal solat saya sembahyang sekali sama dengan dia orang. Saya duduk sekali sembahyang sama dengan dia orang. Wirid, apa semua kita akan buat di surau.*

*Jadi kita akan baca wirid tu bersama. Saya akan pimpin la sampai kan ada setengah ni dia boleh baca sendiri dah”(D06:57). Tambahnya lagi; “macam contoh kalau lelaki ada 2 orang dah boleh jadi imam. Jadi saya akan duduk belakang dengar la”(D06:58&59).*

## **x. Membaca Dan Menulis**

Dapatkan kajian menunjukkan kaedah membaca dan menulis merupakan antara kaedah pengajaran yang digunakan. Pendekatan yang digunakan adalah dengan meminta pelajar membaca teks terlebih dahulu kemudian membuat huraian berdasarkan kefahaman mereka terhadap teks tersebut (D10:15). Tenaga pengajar akan mendengar huraian tersebut sama ada ia menepati kehendak teks atau sebaliknya. Jika ia tidak menepati kehendak teks atau kefahaman yang sebenar, maka tenaga pengajar akan membuat huraian dan penambahan menjadikan kaedah pengajaran tersebut menjadi dua hala (D10:16&17).

Selain itu, kaedah membaca dan menulis juga dipraktikkan melalui penyampaian kuliah oleh tenaga pengajar (D04:14). Kemudian pelajar akan membuat catatan isi penting yang disampaikan dalam kuliah (D04:15). Sebagaimana kenyataan PK3 ILDAS; “*supaya mereka boleh apa dengar, boleh tulis, boleh cakap, kalau saya bagi nota pun saya bagi nota pun saya akan bagi nota yang sepatutnya untuk mereka kalau mereka boleh hafaz*”(D04:16).

Kaedah membaca juga dibuat dengan huraian dan terjemahan jika ia melibatkan subjek-subjek tertentu dan bersesuaian seperti subjek ayat hukum, subjek al-Quran dan sebagainya (D11:13). Selain itu, kaedah membaca juga dilaksanakan melalui fotostat nota-nota tertentu yang kemudiannya nota tersebut akan dibaca dan dihafal. Sebagaimana yang dilakukan oleh PK2 IDIP dengan katanya; “*kaedoh, kalau Quran tu, bawak Quran lah..gini lah. Erm.. kalau nak suruh buat itu.. fotostat bagi...kaedah membaca, hafal tu, tulis gitu jugok kalau subjek lain*”(D11:11). Kenyataan ini juga disokong oleh data pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji sewaktu sesi pemerhatian dibuat di kelas tersebut iaitu kelas al-Quran. Kebanyakan masa yang digunakan dengan membaca dan mengulang dan jarang sekali ada celahan atau huraian daripada tenaga pengajar pada sesi tersebut (OBS/PK2:IDIP).

## **xi. Tunjuk Cara**

Membantu pelajar merupakan antara cara yang perlu dilakukan oleh tenaga pengajar bagi memberi kemudahan kepada pelajar. Hasil dapatan kajian menunjukkan tenaga

pengajar saudara menggunakan pelbagai kaedah dalam memberi bantuan kepada pelajar. Antaranya ialah menunjukkan cara atau jalan yang perlu dilakukan oleh pelajar dengan memberi rujukan dan sebagainya untuk memudahkan para pelajar mendapatkan bahan-bahan tugasan atau pembelajaran (D03:33&37)

Selain itu, kaedah membantu pelajar juga dilakukan dengan membuka peluang kepada perbincangan seperti ruang komunikasi maya *whatsapp*, *telegram* dan juga emel. Perbincangan diadakan di dalam group dan pelajar diberikan peluang untuk bertanyakan pelbagai soalan dan isu (D03:36). Perkara ini juga turut diakui dan disokong oleh PK1 ILDAS dan PK3 ILDAS yang menggunakan medium yang sama untuk perbincangan mengenai pelbagai topik pengajaran dan pembelajaran.

Namun berbeza pula di PUSBA, tenaga pengajar di PUSBA mengatakan bahawa cara yang digunakan oleh mereka untuk membantu pelajar ialah dengan tidak memberi kerja rumah atau tugas. Sebagaimana kenyataan PK1 PUSBA; “*saya punya kelas ni tidak ada homework lah masuk dalam kelas je, habis kelas habis lah. Takut lagi satu takut nanti kita macam beban la kecuali kalau tulisan jawi tak pe dia sebab dia macam ada benda dia nak boleh buat ujian sendiri tak ada masalah*”(D06:62). Ia dilakukan adalah untuk tidak membebankan pelajar. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap sistem pengajian di PUSBA, perkara ini berlaku kerana di PUSBA peringkat pengajian adalah di peringkat asas sahaja menyebabkan mereka tidak memerlukan kerja kursus dan sebagainya. Cukup sekadar mereka mempelajari Islam berkaitan dengan perkara asas terlebih dahulu sebelum mereka menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji sewaktu berada di lokasi kajian, kebanyakan tenaga pengajar sentiasa membantu pelajar saudara baru, bukan sekadar akademik bahkan melibatkan urusan peribadi seperti keluar masuk asrama, urusan balik kampung, kewangan dan sebagainya lagi. Pemerhatian yang dibuat di ILDAS menunjukkan, pelajar yang ingin keluar masuk asrama perlu meminta izin dengan pihak pengurusan, selain meminta pihak pengurusan di PSDK untuk menyediakan pengangkutan keluar masuk. Begitu juga apa yang berlaku di PUSBA, analisis dokumen menunjukkan, terdapat bantuan khusus kepada pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu dengan memberi bantuan wang saku pendidikan sebanyak RM200 sebulan. Bantuan ini diberikan kepada pelajar yang ingin menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi seperti di ILDAS, KUIS, pondok dan sebagainya (AD/PUSBA).

## xii. Teknik Pengajaran al-Quran

Berdasarkan dapatan kajian di PUSBA, satu kaedah khusus telah digunakan dalam pengajaran al-Quran. Penemuan ini amat menarik untuk dibincangkan menyebabkan pengkaji telah meletakkan ia sebagai teknik penyampaian khusus dalam subjek al-Quran. Kaedah yang digunakan oleh PK1 PUSBA ialah melalui pengalamannya sendiri sebagai seorang bekas saudara baru (D06:14). Selain itu, beliau juga meneroka kaedah pengajaran melalui pembacaan dan kajian yang dibuat oleh beliau sendiri (D06:16). Pendekatan yang dibuat ialah dengan mengenal huruf, mengenal baris, mengenal huruf dan baris. Jika pelajar sudah melepassi tahap mengenal huruf dan baris, tenaga pengajar akan mengajar kaedah eja dan baca berdasarkan huruf dan baris. Seterusnya kaedah eja dan baca pula perlu bermula dengan huruf kemudian disusuli dengan kalimah atau perkataan (D06:19&20).

Kemudian kaedah eja dan baca diteruskan dengan ayat. Jika pelajar sudah mahir dalam membaca kalimah dan ayat, maka pelajar akan diberi surah-surah pendek terlebih dahulu sebagai latihan membaca al-Quran. Berdasarkan pencapaian pelajar di PUSBA, kaedah ini amat memberi kesan yang baik dalam pembelajaran al-Quran. Ia diakui oleh PK1 PUSBA yang mengatakan bahawa; “*jadi setakat yang saya tengok pencapaian yang mampu dicapai oleh pelajar, berdasarkan kepada 4 bulan punya pengajian, kalau yang rajin rajin maknanya rajin buat latihan sendiri maka mereka boleh sampai ke tahap mengeja dan membaca, mengeja dan membaca tetapi kalau sekadar diaorang tu lebih kurang santai-santai saja belajar fokus hanya dalam kelas, mereka hanya boleh sampai ke tahap kenal huruf dan kenal baris yang ada pada huruf*” (D06:26).

## xiii. Teknik Pengajaran Pelaksanaan Ibadah

Selepas mempelajari konsep kepercayaan dalam ilmu akidah, pelajar saudara baru perlu diberi kefahaman yang jelas mengenai pelaksanaan ibadah yang tepat. Hasil analisis kajian mendapati, pengajaran ilmu fekah di PUSBA telah menggunakan satu kaedah yang menarik untuk dikupas dan diberi perhatian. Pengkaji juga telah meletakkan ia sebagai penemuan baru dalam kajian ini. Ini kerana, berdasarkan penelitian yang telah dibuat terhadap saudara baru, kajian mendapati mereka mempunyai kefahaman dan persepsi yang berbeza dengan saudara yang memang berasal daripada Islam. Justeru pendekatannya juga perlu berbeza. Apa yang menariknya dalam dapatan ini, tenaga pengajar juga merupakan seorang saudara baru satu ketika dahulu. Oleh itu beliau sangat memahami apa kehendak serta kekeliruan yang mungkin timbul dalam kalangan saudara baru. Justeru hasil kajian mendapati PK1 PUSBA telah menggunakan beberapa

pendekatan yang berbeza dengan tenaga pengajar yang lain dengan menampilkan keutamaan dan keinginan saudara baru sebelum proses pengajaran berjalan (D06:31).

Antara yang dibuat ialah dengan melontarkan soalan terlebih dahulu berkaitan apa sahaja keraguan yang mungkin timbul dalam kalangan saudara baru berkaitan pelaksanaan ibadah sama ada solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya lagi. Jika ada keraguan di situ, maka bermula proses pengajaran berdasarkan aspek tersebut. sebagaimana kenyataan PK1 berhubung perkara ini; “*aulawiyatnya kita tengok kalau dalam bab apa kita rasa dia orang ni kena perlu. Saya akan fokus. Dan fokus saya ni berdasarkan.. saya akan tanya okay sekarang ni semua orang boleh sembahyang semua orang boleh sembahyang semua dia orang kata okay setuju. Tapi saya akan lontar kan satu lagi, siapa boleh beza sembahyang ada wajib dan sunat, ha ada 2 perkara yang Imam al-Ghazali sebut dalam kitab Bidayah al-Hidayah, kalau orang tu dikatakan tahu tentang sembahyang maka dia boleh beza antara wajib dan sunat. Jadi kita minta diaorang catat mana yang sunat, sunat haiah mana, sunat ab’ad mana, wajibi mana, kalau mereka senyap maknanya saya kena separate la.*”(D06:34). Melalui kenyatan ini, dapat diperhatikan huraiyan yang dibuat agak terperinci dan tenaga pengajar juga meminta pelajar mencatat di bahagian tepi buku teks masing-masing supaya berlaku percambahan ilmu di situ.

Selain daripada lontaran soalan, tenaga pengajar juga menggunakan kaedah didik dan asuh. Teknik ini dilakukan dengan mendatangkan contoh-contoh yang berlaku dalam masyarakat sama ada ia melibatkan stigma masyarakat, amalan yang biasa dilakukan dalam masyarakat Islam atau adat kebiasaan setempat yang memang menjadi darah daging penduduk tersebut. Isu-isu ini diperkatakan dan dilontarkan kepada pelajar saudara baru supaya mereka boleh berfikir, pada masa yang sama akan dapat membezakan di antara hukum yang sebenar dan adat yang biasa dilakukan oleh masyarakat.

#### **xiv. Kaedah Bimbingan**

Kaedah bimbingan merupakan tema yang dikeluarkan dalam kaedah pengajaran. Dapatkan melalui tema ini berdasarkan pelbagai pendekatan bimbingan yang digunakan oleh tenaga pengajar saudara baru. Jadual berikut merupakan ringkasan tema berdasarkan daptan kajian.

**Jadual 1.3 Rumusan dapatan terhadap tema Kaedah Bimbingan**

<b>Tema</b>	<b>Sub Tema</b>	<b>Sub-sub Tema</b>
Kaedah Bimbingan	Nasihat dan dorongan	Membaca al-Quran, amal sifat mahmudah, cintakan Islam, istiqamah, motivasi,
	Pembentukan akhlak	Ibadah, kepimpinan, keperibadian, memupuk sifat mahmudah,

Sumber: Temu bual & Observasi (2017)

Berdasarkan jadual 1.3 tema kaedah bimbingan, dapatan kajian telah menghasilkan dua sub tema iaitu nasihat dan dorongan serta pembentukan akhlak. Tema-tema berikut dihuraikan seperti dapatan berikut.

### i. Nasihat dan Dorongan

Nasihat dan dorongan merupakan antara kaedah bimbingan yang digunakan dalam sesi pengajaran kepada saudara baru. Dapatan kajian menunjukkan kesemua tenaga pengajar menggunakan kaedah ini sewaktu melaksanakan proses pengajaran. Nasihat yang biasa dilontarkan oleh tenaga pengajar adalah mempersiapkan diri pelajar dengan ilmu dan amal (D02:75). PK2 PUSBA turut menyokong kenyataan ini dengan katanya; “*saya tekankan saya bagi tahu kepada mereka setiap apa yang ilmu yang kita belajar kita dapat pelajar cuba amal*”(D07:33). Selain itu saudara baru juga sering diperingatkan bahawa hidayah adalah milik Allah dan ia merupakan satu anugerah daripada Allah (D02:77). Ia juga turut disokong oleh PK1 IDIP yang mengatakan bahawa dengan hidayah yang mereka dapat, maka mereka seharusnya sentiasa istiqamah dalam mempelajari dan beramal dengan cara hidup Islam (D10:44). Konsep hidayah dan istiqamah ini banyak disebutkan oleh peserta kajian menunjukkan tenaga pengajar amat mengharapkan hidayah yang dimiliki itu dibaja dan disuburi dengan perbuatan dan amalan yang konsisten. Kenyataan ini amat disokong oleh PK2 IDIP (D11:27), PK3 ILDAS (D04:41) dan PK2 PUSBA (D07:44) yang mengatakan perlu istiqamah dalam beramal walaupun sedikit. Selain itu, penggunaan contoh dan kisah para sahabat terdahulu juga banyak digunakan oleh tenaga pengajar dalam memberi galakan dan dorongan kepada pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh dan menghayati Islam dengan cara yang lebih baik (D08:18).

Nasihat dan peringatan juga turut dibuat apabila sesi pengajaran akan berakhir. Sebagaimana kenyataan PK1 IDIP katanya; “*di akhir pelajaran tu, kita bagi dalam bentuk tazkirah, peringatan, nasihat*”(D10:43). Kenyataan ini juga dibuktikan oleh

peserta kajian sewaktu sesi pemerhatian dibuat di kelas beliau. Banyak tazkirah dan peringatan yang diberikan kepada para pelajar. Kenyataan ini juga turut disokong oleh PK3 IDIP dengan katanya; “*setiap habis kelas mesti ada buat tazkirah-tazkirah, contohnya bab aqidah, bab malaikat. Saya advance kan er.. alam ghaib, kira bagi tazkirah sebelum nak tinggalkan kelas. Supaya mereka lebih nak tahu apa itu Islam*”(D12:16). Nasihat yang berbentuk motivasi dan dorongan juga sering diperdengarkan terutama jika melibatkan penggunaan masa dan peluang yang diberikan oleh Allah sebagaimana yang digambarkan dalam surah *al-'Asr* (D11:15). Selain daripada nasihat, galakan, dorongan dan motivasi, tenaga pengajar juga ada mengamalkan edaran borang muhasabah atau disebut sebagai ‘*mutaaba'ah amaliyyah*’. Perkara ini diakui oleh PK1 ILDAS (D02:74). Antara kandungan borang muhasabah tersebut adalah berkaitan dengan senarai semak ibadah yang dilakukan oleh pelajar sama ada ibadah wajib mahu pun sunat. Perkara ini dilakukan bagi mewujudkan konsisten dalam amalan yang dilakukan di samping menanam sikap amanah terhadap apa yang telah dilakukan.

## ii. ***Pembentukan Akhlak***

Proses pembentukan akhlak juga merupakan salah satu kaedah bimbingan dalam pendidikan Islam. Agenda pembentukan akhlak pelajar merupakan antara yang paling susah dan sangat subjektif sifatnya kerana akhlak adalah yang lahir dari hati dan terserlah melalui pekerti. Justeru untuk membentuknya bukan sesuatu yang mudah dan ia memerlukan usaha yang berterusan dari semua pihak terutama tenaga pengajar. Dapatkan kajian menunjukkan proses pembentukan akhlak sentiasa berlangsung sama ada secara sedar atau tidak. Melalui pemerhatian yang dibuat oleh pengkaji di kawasan kajian, rata-rata tenaga pengajar dan juga pelajar aktif dalam melaksanakan agenda pembentukan akhlak, antaranya ialah dengan solat berjemaah, menyebarkan salam, senyum, membantu sahabat dan juga guru dan sebagainya lagi yang membuktikan semua perkara itu adalah ke arah proses membentuk akhlak yang mulia kerana proses pembentukan akhlak tidak boleh dilakukan dalam masa sehari, ia memerlukan masa dan tempoh yang panjang di samping pelakunya perlu sentiasa konsisten. Hasil kajian mendapati, tenaga pengajar juga mengamalkan penerapan adab dan sifat mahmudah seperti memberi salam, bersalamaman, beramah mesra, bercakap dengan tutur kata yang baik dan sebagainya lagi yang melambangkan akhlak Islam yang indah (D03:60).

Berdasarkan data temu bual yang diperoleh menunjukkan proses pembentukan akhlak bermula dengan teori dan disusuli dengan praktikal. Kenyataan ini ada dalam jawapan PK1 ILDAS; katanya “*yang amalinya antaranya adalah kena apa ni.. tampil ke*

*hadapan*"(D02:89). Amali yang dimaksudkan di sini ialah praktikal amali dakwah yang dilakukan sama ada dalam program atau dalam alam realiti iaitu hubungan kekeluargaan dengan keluarga yang belum Islam. Penampilan akhlak yang baik kepada keluarga yang masih belum Islam amat penting bagi membuktikan Islam adalah agama yang mementingkan akhlak. Pembentukan akhlak juga disasarkan kepada kepimpinan pelajar, tegas PK1 ILDAS. Setiap pemimpin perlu kepada akhlak yang baik kerana ia berada di hadapan dan mungkin juga menjadi ikutan kepada orang yang berada di bawahnya. Oleh itu akhlak yang baik amat perlu kepada seseorang pemimpin (D02:91).

## **KESIMPULAN**

Kajian ini telah menghasilkan beberapa penemuan berkaitan dengan kaedah yang digunakan dalam pengajaran iaitu menggunakan teknik menarik perhatian seperti bercerita, memberikan contoh, tayangan filem dan teka teki. Selain itu, kaedah penyampaian pengajaran juga disampaikan dengan menggunakan pelbagai teknik iaitu soal jawab, penekanan kepada pelajar yang lemah, pengulangan, latihan dan praktikal selain beberapa cara yang lain. Kaedah bimbingan merupakan antara kaedah yang digunakan yang digunakan secara berterusan terutama dalam membentuk akhlak yang mahmudah para pelajar.

## **RUJUKAN**

- Siti Fathimatul Zahrah binti Yusri & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan binti Abdullah @ Tan Ai Pow. 2015. Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Muallaf : Satu Tinjauan Literatur.
- Mohd Zaid Mohd Zain & Ahamad Asmadi Sakat. 2010. Impak Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Kita (Muallaf) di PERKIM Negeri Sembilan. *International Conference on Da'wah and Islamic Management: Practice and Prospect*, 23-24 November 2010, Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur.
- Temu Bual bersama Pengetua dan Tenaga Pengajar di Institut Latihan Dakwah Selangor (ILDAS), Sabak Bernam, Selangor. Pada 7 Februari 2017, 8 Februari 2017, 8 Mac 2017 dan 9 Mac 2017.
- Temu Bual bersama Pengetua dan Tenaga Pengajar di Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP), Pengkalan Chepa, Kelantan. Pada 17 Oktober 2016, 18 Oktober 2016, 8 Mac 2017 dan 6 April 2017.
- Temu Bual bersama Pengetua dan Tenaga Pengajar di Pusat Bimbingan Islam Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (PUSBA), Sungai Petani, Kedah. Pada 14 Mac 2017 dan 15 Mac 2017.